

**DISKRIMINASI DALAM DASAR TANAH GETAH DAN REAKSI ORANG  
MELAYU DI KEDAH, 1915-1932**

***DISCRIMINATION IN RUBBER LAND POLICY AND MALAY REACTION IN  
KEDAH, 1915-1932***

**Nurizwanfaizi bin Nordin\***

**Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus\*\***

**Universiti Malaya, MALAYSIA**

**Abstrak**

Pengenalan tanaman komersial baharu di Kedah, iaitu getah ketika penghujung era naungan Siam telah mempelbagaikan aktiviti pertanian orang Melayu di negeri berkenaan. Minat orang Melayu terhadap tanaman ini semakin berkembang selepas penguasaan British, khususnya mulai tahun 1915 seiring dengan perkembangan penanaman getah pada tahun-tahun pertama perubahan pentadbiran tanah Kedah. Bagaimanapun, sikap para pentadbir kolonial yang pada mulanya liberal kemudiannya berubah apabila mereka mula melaksanakan dasar tanah getah yang bersifat diskriminatif, khususnya terhadap orang Melayu. Kajian ini menjawab dua persoalan utama iaitu, apakah dasar tanah getah yang dilaksanakan di Kedah dalam tempoh 1915-1932 dan bentuk reaksi orang Melayu terhadap dasar yang dipaksakan ke atas mereka dalam jangka masa berkenaan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberi fokus kepada Laporan-laporan Tahunan Kedah dan fail-fail Setiausaha Kerajaan bagi mendapatkan data-data yang diperlukan. Hasil daripada penelitian yang dilakukan, orang Melayu di Kedah, terutamanya golongan bawahan telah berjaya disekat daripada mengusahakan getah secara bebas melalui penguatkuasaan undang-undang tanah dan amalan pentadbiran tanah.

**Kata kunci:** Tanah getah; Orang Melayu; Kerajaan Kedah; Elit Melayu; British

***Abstract***

The introduction of rubber, a new commercial crop in Kedah, at the tail end of the Siamese protectorate era diversified Malay agricultural activity in the state. Malay interest in the crop grew during British rule, specifically in 1915 in line with the development of rubber planting in the first years following changes in Kedah land administration. However, the colonial administrators' initial liberal attitude was temporary when they began to implement a discriminative policy regarding rubber land, particularly towards the Malays. This study aims to answer two main questions: what was the rubber land policy implemented in Kedah in the period 1915-1932, and what was the form of Malay reaction to this policy imposed upon them during the period in question. This study uses the qualitative method by focusing on Kedah Annual Reports and State Secretary Files to obtain the necessary data. The results of the study prove the Malays in

Kedah, especially the lower classes, were effectively impeded from cultivating rubber freely through enforcement of land laws and land administrative practices.

**Keywords:** Rubber land; Malays; Kedah Government; Malay elite; British

## Pengenalan

Tanaman getah merupakan tanaman komersial yang diperkenalkan oleh pihak British ke Tanah Melayu pada pertengahan kedua abad ke-19. Di Kedah, ia di bawa masuk oleh para pelabur Cina dan Eropah di bahagian selatan negeri itu. Apabila Kedah dibuka seluas-luasnya kepada modal asing selepas Perjanjian Bangkok 1909, golongan berkenaan mengambil peluang untuk mengusahakan tanaman getah secara besar-besaran. Bagaimanapun, penglibatan orang Melayu adalah sedikit terlewat berbanding dengan orang Eropah dan Cina di Kedah. Bahkan mereka kemudian dihalang oleh pihak kerajaan daripada bergiat aktif dalam penanaman getah. Keadaan ini merupakan salah satu perkara yang penting untuk dinilai dalam konteks perubahan ekonomi dan sosial orang Melayu di negeri ini di era kolonial.

Menurut Nurizwanfaizi Nordin dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, pada peringkat awal modenisasi pentadbiran tanah Kedah, Kerajaan Kedah memberi fokus kepada dua perkara utama dalam aspek pemberian tanah iaitu, tanah berkeluasan besar untuk pelaburan asing, dan tanah berkeluasan kecil melalui dokumen pemilikan yang sah.<sup>1</sup> Tidak ada sebarang sekatan dikenakan kepada mereka yang mahu membuka tanah pertanian ketika itu. Namun, orang Melayu ketika ini gagal untuk mengambil peluang daripada dasar tanah yang liberal berkenaan untuk membuka tanah getah secara bebas. Peluang orang Melayu untuk bergiat dalam sektor yang menguntungkan ini kemudian telah disekat apabila pihak kolonial memutuskan untuk menghalang mereka mengusahakan tanaman padi sekitar tahun 1917.

Nurizwanfaizi Nordin dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus yang juga telah menerbitkan kajian mengenai dasar tanah padi kolonial di Kedah pada tahun 2023, mendapati bahawa Kerajaan Kedah menggunakan pendekatan perundangan dalam usaha mengekalkan orang Melayu dalam penanaman padi. Lantaran itu, orang Melayu, khasnya daripada golongan bawahan mengalami penderitaan apabila hasil tuaian padi tidak menjadi pada penghujung dekad 1920-an, dan mereka dibebani pula dengan tuntutan cukai tanah.<sup>2</sup> Situasi ini bertepatan dengan pandangan Mahani Musa yang menegaskan bahawa pihak kolonial mahu mengekalkan orang Melayu sebagai pengeluar makanan, dan menghalang mereka bergiat dalam sektor penanaman komersial.<sup>3</sup> Pandangan sinis seorang pegawai kolonial pernah direkodkan sebagai:

“Mr. Adams opined that the Malays in Kedah (and elsewhere) would continue to grow padi whether it was profitable or not, but that the Malays wanted more luxuries

and that so far these had been more easily got from rubber cultivation.”<sup>4</sup>

Ahmad Nazri Abdullah dalam karya klasiknya, *Melayu dan Tanah*, mengatakan bahawa dasar tidak menggalakkan orang Melayu menanam getah sudah dimulakan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) sejak tahun 1910, di mana ia berterusan sehingga dekad 1930-an.<sup>5</sup> Pelaksanaan langkah sekatan di Kedah yang hampir serupa dengan dasar yang diimplementasikan di NNMB menunjukkan orang Melayu di luar persekutuan tersebut turut menerima impak yang sama dalam sektor penanaman getah. Berbeza dengan tanaman padi, getah tidak begitu terikat dengan perubahan cuaca, akan tetap menghasilkan pulangan kepada mereka yang mengusahakannya. Maka secara amnya, orang Melayu melihat tanaman getah sebagai jawapan kepada bebanan cukai tanah baharu yang dikenakan ke atas mereka oleh Kerajaan Kedah. Malangnya, sekatan demi sekatan yang diwujudkan pihak kolonial selepas Perang Dunia Pertama berakhir telah memberikan tekanan kepada kebanyakan orang Melayu yang mahu bergiat dalam sektor yang menguntungkan ini. Pelbagai bentuk permohonan dan protes yang rata-ratanya cuba mempertahankan pemilikan tanah getah telah diperlihatkan golongan berkenaan sebagai reaksi kepada dasar tanah getah yang diskriminatif di Negeri Kedah.

## **Dasar Tanah Getah Sebelum 1915**


Sejak menguasai Kedah pada tahun 1909, matlamat utama pihak British dalam sektor pertanian adalah menggalakkan kemasukan para pelabur asing untuk membuka tanah getah di Kedah Selatan (Kuala Muda, Kulim, Baling, Bandar Baharu, serta bahagian selatan Sik, dan selatan Yan). Untuk tujuan berkenaan, Enakmen Konsesi 1909 yang melibatkan tanah berkeluasan melebihi 50 relong<sup>6</sup> telah diluluskan Majlis Negeri. Enakmen ini menetapkan harga tanah bagi tujuan komersial sebanyak \$1 serelong, dan ia perlu diusahakan pemilikinya. Enakmen Konsesi 1909 ini telah memainkan peranan penting kepada pembukaan tanah-tanah getah baharu yang berkeluasan besar di Kedah ketika itu.

Manakala untuk pembukaan tanah berkeluasan kecil, tiada sekatan mahupun halangan yang dikenakan Kerajaan Kedah ketika ini. Sesiapa sahaja boleh membuka tanah untuk ditanam dengan getah dengan syarat mendapat kebenaran pihak Pejabat Tanah, serta membayar cukai tanah pada masanya. Memandangkan ketika ini pentadbiran tanah Kedah berada dalam proses modenisasi pentadbirannya, maka berdasarkan Enakmen Tanah Tahun 1332 Hijrah (1914) yang diperkenalkan pada tahun 1914, pendaftaran dan pencukaian tanah menjadi fokus utama Jabatan Tanah Kedah pada peringkat ini.

Kesan kepada kewujudan dasar tanah yang liberal, pembukaan tanah-tanah getah berkeluasan besar telah didominasi oleh para pelabur Eropah dan Cina. Golongan ini berjaya mengambil peluang untuk membuka tanah di Kedah Selatan. Bahkan bagi tanah getah berkeluasan kecil, orang Cina di Kedah Selatan juga menjadi golongan terbesar yang memiliki tanah dalam kategori ini. Orang Cina memahami keuntungan

mengusahakan tanaman getah seperti yang berlaku di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Laporan Tahunan Kedah Tahun 1327 Hijrah (1909-1910) menyatakan bahawa: “*There is a feverish activity in rubber planting in this district, and it is said that over a quarter of a million rubber trees have been planted during the year.*”<sup>7</sup> Manakala di Daerah Kulim hampir semua pemilikan tanah berkeluasan kecil yang sebelumnya ditanam dengan kelapa dan sirih telah bertukar dengan tanaman getah.<sup>8</sup>

**Peta I: Pembahagian Kawasan Kedah Utara dan Kedah Selatan**



Sumber: Wu Xiao An, *Chinese Business In The Making of Malay States, 1882-1941 Kedah and Penang*, London: Routledge Curzon, 2003.

Pada tahun 1910, berlaku kenaikan harga getah (*Rubber Boom*) yang menyebabkan urusan dan transaksi melibatkan estet-estet getah meningkat secara mendadak. Lebih daripada separuh estet getah di Kedah bertukar tangan dan syarikat-syarikat komersial ditubuhkan di London, Shanghai, Singapura dan Pulau Pinang untuk mendapatkan tanah getah di Kedah. Pengaliran modal dan buruh ke Kedah Selatan menyaksikan Kedah Selatan telah berkembang menjadi kawasan getah yang luas.<sup>9</sup> Dasar tanah getah yang dilaksanakan melalui Enakmen Konsesi menyebabkan jumlah keluasan tanah yang ditanam dengan tanaman getah semakin berkembang pada sekitar 1912-1913, di mana hampir semua estet getah berkeluasan besar telah membuka lebih banyak tanah, manakala setengah-setengahnya telah menanam tanaman getah di kawasan tanah yang diperolehi. Keyakinan pelabur asing dalam prospek penanaman getah ini dilaporkan Laporan tahunan 1331 Hijrah (1912-1913) yang menyebut:

“The Chinese towkays in particular have in no way lost their confidence in the future of plantation rubber; and the Chinese planters, of the “market-gardener” class, who own and cultivate their separate small holdings of ten or fifteen acres, are clearing and planting with undiminished vigour. These small holdings are one of the features of the Kuala Muda and Kulim districts, and their total area is very considerable.”<sup>10</sup>

Pada tahun 1911, Pemangku Penasihat British, Meadows Frost dengan optimistik berpandangan bahawa getah akan menjadi tanaman terpenting di Kedah Selatan untuk jangka masa 1914-15.<sup>11</sup> Penempatan Penasihat Tanah di Kulim dan bukannya di pusat pentadbiran negeri di Alor Setar, menjadi bukti kepada perhatian Kerajaan Kedah terhadap perkembangan pembukaan tanah getah di Kedah Selatan. Oleh itu, pembukaan tanah getah oleh orang Melayu telah diabaikan buat sementara waktu bagi menjayakan dasar “*forward policy*” ini yang menggalakkan pelaburan asing.

Malangnya Kerajaan Kedah tidak merancang satu dasar yang jelas dalam memberikan peluang kepada orang Melayu untuk terlibat secara berkesan dalam penanaman tanaman berkenaan. Justeru, orang Cina yang mempunyai lebih pengetahuan telah mendahului orang Melayu dalam kegiatan berkenaan. Bagaimanapun, segelintir elit Melayu mula mengusahakan tanaman getah dalam skala besar sekitar tahun 1909. Kebebasan dalam memiliki dan mengusahakan tanah sejak era pra-kolonial telah memberikan kelebihan kepada mereka. Mereka juga mempunyai modal dan tenaga buruh yang mencukupi untuk mengerjakan tanaman ini. Berdasarkan Laporan Tahunan Kedah Tahun 1327 Hijrah (1909-1910), terdapat tiga estet getah berkeluasan besar yang dimiliki golongan elit Melayu iaitu Tunku Ibrahim yang mempunyai estet getah di Jenan dengan keluasan 200 relong, manakala Che Ibrahim di Jitra (100 relong) dan Che Reguan di Paya Kamunting (60 relong).<sup>12</sup>

Pada tahun 1912-1913, dilaporkan terdapat kira-kira tujuh estet getah yang dimiliki elit Melayu di seluruh Kedah iaitu di Kubang Pasu; Haji Mat Amin (25 relong), Estet Napo, Che Ridthuan dan Tunku Asiah (150 relong), Estet Tanah Merah, Wan Yahia

dan Leng Chong (60 relong), Estet Jenan, Che Ridthuan dan Tunku Asiah (200 relong), manakala di Daerah Kulim; Estet Ayer Merah, Haji Zakariah (150 relong), Daerah Bandar Baharu; Estet Banjar, Muhammad (200 relong), Estet Rata Panjang, Penghulu Jassin (50 relong).<sup>13</sup>

Namun, keadaan mula berubah apabila menjelang tahun 1915, orang Melayu dilaporkan memperlihatkan minat yang mendadak untuk menanam getah. Laporan akhbar *The Straits Times* menyatakan bahawa: “*Tha [sic] Malays in Kedah have gone ‘rubber mad,’ declares the Times of Malaya. They are abandoning their padi growing to plant rubber.*”<sup>14</sup> Kecenderungan untuk menanam tanaman getah ketika itu begitu ketara apabila tiada langsung penanaman kelapa dilaporkan pada tahun 1335 Hijrah (1916-1917). Situasi ini memaksa Kerajaan Kedah untuk membentuk undang-undang bagi melindungi penanaman kelapa. Selain itu, kerajaan berusaha untuk menghalang pemusnahan kampung-kampung orang Melayu bagi menanam getah. Lebih penting lagi, orang Melayu perlu disekat daripada mengabaikan pengusahaan padi yang merupakan teras kehidupan mereka.

### **Perkembangan Dasar Tanah Getah, 1915-1932**

Sebagai tindak balas kepada perkembangan yang berlaku, pihak British terpaksa merencana beberapa langkah penting untuk menghalang masyarakat berkenaan daripada menanam getah secara bebas, dan mengganggu perkembangan ekonomi kapitalis di Kedah. Memandangkan ketika itu Perang Dunia Pertama (1914-1918) sedang berlangsung, Kerajaan Kedah hanya meluluskan Enakmen Sekatan Tanah Getah Tahun 1335 Hijrah (The Rubber Restriction Enactment 1335) yang mula berkuatkuasa dalam Julai 1917 dan terbatal dengan sendirinya apabila perang berakhir pada tahun 1918. Ia sekadar bermatlamat menghalang pelabur asing yang bukan warganegara Britain dan naungannya daripada memiliki tanah getah di Kedah.<sup>15</sup> Namun, selepas Perang Dunia Pertama berakhir, Kerajaan Kedah telah melaksanakan dasar tanah getah yang secara jelas menyasarkan pemilikan tanah orang Melayu.

### ***Pengelasan Status Tanah Getah***

Bersandarkan faktor pentadbiran tanah yang belum teratur sebelum 1917, terdapat banyak tanah yang bukan berstatus tanah getah telah ditanam dengan getah di seluruh Kedah. Untuk memudahkan proses pengelasan status tanah getah, pada Oktober 1919, Penasihat British mencadangkan kepada Penasihat Tanah supaya Majlis Negeri mengeluarkan arahan menyatakan mana-mana tanah di bawah keluasan 20 relong dan ditanam sebanyak 50 peratus daripada keluasan tanah dengan kelapa atau getah dikelaskan sebagai kebun kelapa atau kebun getah.<sup>16</sup> Penasihat British berpandangan:

“Certain Kampong lands have been planted with rubber. It is recommended that they should pay the higher rent and tax fixed by SS 45 and 50 of the Land Enactment for “Kebun

Getah” and “Kebun Nior”, and it is proposed that orders be given to the Land Offices that Kampong or dusun land not exceeding 50 relong outside the boundaries of any township, half or more than half of which is used for “getah” or “nior” cultivation shall be held for the purposes of SS 45 and 50 to be “Kebun Getah” or ‘Kebun Nior’.<sup>17</sup>

Jelas bahawa berdasarkan pendapat Penasihat British ini, pihak kolonial merasakan bahawa satu pengelasan yang khusus perlu dilakukan bagi mengklasifikan apa yang dikatakan sebagai kebun getah, sekaligus memudahkan proses kutipan cukai, dan secara langsung akan menambah pendapatan Kerajaan Kedah. Selanjutnya, mulai tahun 1920, takrif “kebun getah” telah ditetapkan oleh kerajaan. Kaedah ini memudahkan pengelasan tanah getah dan melicinkan aspek perundangan yang berkaitan.

### ***Penetapan Harga Tanah Getah***

Selepas menetapkan takrif “kebun getah”, pada penghujung tahun 1920, pihak kolonial memikirkan apakah kaedah terbaik untuk menetapkan harga tanah getah di Kedah.<sup>18</sup> Dalam hal ini, Penasihat Tanah berpandangan bahawa, harga tanah getah harus berdasarkan kepada perkiraan sekiranya ada lebih daripada seorang pemohon, maka kerajaan akan melakukan lelongan. Manakala, sekiranya tidak terdapat sebarang permohonan, maka Penasihat Tanah menganggarkan harga tanah getah yang harus dikenakan adalah sekitar \$25 atau \$30 serelong, dan dasar ini menurut beliau, haruslah dipatuhi.<sup>19</sup> Kesan pelaksanaan kaedah penentuan harga tanah getah ini menyebabkan tanah getah menjadi jenis tanah termahal di Kedah ketika itu.

Pada tahun 1922-1923, Kerajaan Kedah bertindak menetapkan kadar minimum harga untuk tanah getah. Menariknya, dalam pindaan terhadap Peraturan untuk Enakmen Tanah Tahun 1332 Hijrah yang dikuatkuasakan dalam tahun 1341 Hijrah (1922-1923), secara spesifiknya, harga tanah yang merujuk kepada tanah getah tidak disebut perkataan “getah”. Hanya disebut bahawa kadar minimum premium tanah termasuk yuran ukur dan kos batu sempadan untuk tanah selain tanah bendang, kampung atau dusun ialah \$10 serelong. Bagaimanapun, jika tanah berkenaan hanya ditumbuhi lalang, pengurangan bayaran boleh diberikan Majlis Negeri.<sup>20</sup>

Kadar yang ditetapkan ini menjadi panduan kepada pihak Jabatan Tanah dalam menentukan harga tanah yang perlu dibayar. Misalnya, pada tahun 1924, Kepala Pekerjaan Tanah<sup>21</sup> mendapati ramai penduduk di Daerah Padang Terap menduduki tanah tanpa sebarang dokumen pemilikan. Oleh itu, Pegawai Daerah Padang Terap telah mengarahkan para Penghulu Mukim untuk memeriksa bilangan penduduk yang tidak mempunyai dokumen pemilikan tanah. Kepala Pekerjaan Tanah berpendapat agar tanah-tanah berkenaan dijual kepada orang Melayu yang mendudukinya supaya mereka dapat disenaraikan dalam daftar pemilikan tanah. Harga tanah yang dicadangkan oleh Kepala Pekerjaan Tanah ialah \$5 bagi tanah kampung dan dusun, manakala tanah getah dikenakan harga sebanyak \$10.<sup>22</sup> Syor yang dikemukakan ini dipersetujui Kerajaan

Kedah.<sup>23</sup> Berdasarkan penilaian Pejabat Tanah, harga tanah getah di beberapa kawasan boleh mencecah sehingga \$25 serelong. Sebagai contoh, terdapat permohonan tanah getah seluas tiga relong oleh seorang Melayu di Mukim Bakai pada 2 Rabiulakhir 1344 Hijrah (20 Oktober 1925), di mana pihak Pejabat Tanah telah mengenakan kadar \$25 serelong untuk tanah yang dipohon.<sup>24</sup>

### ***Pengeluaran Dokumen Pemilikan Tanah Getah***

Walaupun Kerajaan Kedah selepas perang secara jelas telah bertindak menyekat orang Melayu dalam soal pembukaan tanah getah, amalan kebanyakan orang Melayu ketika ini adalah menanam tanaman tersebut terlebih dahulu di tanah-tanah yang bukan berstatus getah. Tindak-tanduk penduduk Kedah khasnya orang Melayu yang menanam getah di tanah yang tidak berstatus tanah getah telah menimbulkan masalah dalam sudut perundangan, di mana Enakmen Tanah Tahun 1332 Hijrah (1914) tidak langsung menyebut mengenai penanaman getah di tanah yang bukan berstatus tanaman berkenaan.

Pada penghujung tahun 1925, Kepala Pekerjaan Tanah meminta kepada Setiausaha Kerajaan supaya membenarkan Surat Keterangan<sup>25</sup> yang dikeluarkan kepada tanah bukan berstatus tanah getah diletakkan syarat larangan menanam getah. Permintaan Kepala Pekerjaan Tanah ini adalah berdasarkan kepada Seksyen 19A Enakmen Tanah No. 12 Tahun 1343 Hijrah (1924). Perkara yang dibangkitkan ini adalah sama dengan pandangan Penasihat Tanah.<sup>26</sup> Kepala Pekerjaan Tanah mengesyorkan kepada Setiausaha Rendah Kerajaan supaya sesiapa yang mahu membuka kebun getah untuk memohon perubahan syarat Surat Keterangan Tanah.

Dalam perkara ini, Pejabat Tanah akan menimbangkan sama ada tambahan harga tanah akan dikenakan atau sebaliknya memandangkan harga tanah kampung atau dusun adalah lebih rendah berbanding harga tanah getah. Kepala Pekerjaan Tanah menyatakan bahawa setengah-setengah kampung dan dusun tidak patut dimusnahkan semata-mata hendak menanam getah, manakala setengah-setengah tempat pula tidak patut ditanam dengan getah.<sup>27</sup> Namun, Setiausaha Kerajaan berpendapat bahawa untuk tanah kampung dan dusun yang berkeluasan kurang daripada 10 relong tidak wajar tidak dikenakan apa-apa tindakan memandangkan kebanyakan rakyat Kedah hanya memiliki tanah tidak melebihi 10 relong dan berada dalam kemiskinan. Oleh itu, perkara berkenaan seharusnya diperhalusi pihak kerajaan.<sup>28</sup>

Selanjutnya, dalam mesyuarat yang diadakan pada 15 Jamadilakhir 1344 Hijrah (31 Disember 1925), Majlis Negeri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji soal meletakkan syarat melarang penanaman getah di atas tanah yang bukan berstatus getah dalam Surat Keterangan. Jawatankuasa yang ditubuhkan ini diketuai oleh Kepala Pekerjaan Tanah dan dianggotai oleh Ketua Majistret, *Harbour Master*, Pegawai Pertanian dan Penolong Penasihat.<sup>29</sup> Sehubungan itu, Kepala Pekerjaan Tanah memaklumkan kepada Setiausaha Rendah Kerajaan bahawa beliau telah mengadakan mesyuarat pada 7 Rejab 1344 Hijrah (21 Januari 1926) untuk mempertimbangkan perkara memasukkan syarat larangan menanam getah dalam Surat Keterangan yang akan



dikeluarkan. Cadangan ini kemudiannya dipersetujui oleh semua anggota jawatankuasa yang terlibat.<sup>30</sup>

Penolong Penasihat British kemudian menekankan bahawa satu pindaan kepada Enakmen Tanah perlu dilakukan bagi membolehkan syarat khas dimasukkan berkenaan dengan perihal larangan menanam getah ini. Pejabat Tanah memerlukan kuasa daripada Presiden Majlis Negeri untuk memasukkan perkataan “getah” pada tanah yang diberikan untuk tujuan kampung dan dusun.<sup>31</sup> Penasihat British pula berpendapat bahawa isu sangat mustahak dan perlu dibincangkan dalam Majlis Negeri.<sup>32</sup> Majlis Negeri kemudian memutuskan untuk membenarkan penambahan larangan menanam getah di atas Surat-surat Keterangan yang dikeluarkan untuk tanah selain tanah getah bermula daripada tarikh keputusan tersebut.<sup>33</sup> Memandangkan keputusan berkenaan hanya melibatkan Surat Keterangan yang akan dikeluarkan tanpa melibatkan tanah-tanah di bawah Surat Keterangan yang dikeluarkan Pejabat Tanah sebelumnya, pada 12 Syawal 1344 Hijrah (25 April 1926) pihak kerajaan meminta penjelasan Kepala Pekerjaan Tanah mengenai status tanah-tanah bukan berstatus getah yang sudah ditanam dengan getah sebelumnya.<sup>34</sup>

Menjawab persoalan ini, Kepala Pekerjaan Tanah menjelaskan bahawa, jika tanah yang ditanam dengan getah tersebut bukan tanah berstatus tanah getah, pihak Pejabat Tanah mempunyai dua kaedah untuk menyelesaikannya. Pertama, jika tanah tersebut merupakan tanah bendang, Pejabat Tanah akan merujuk Enakmen No. 1 Tahun 1336 Hijrah (1917-1918). Kedua, sekiranya tanah berkenaan bukan tanah bendang, jika bilangan pokok getah melebihi 50 pokok, maka dari sudut pencukaaian, ia akan dikira sebagai tanah getah. Selain dua keadaan yang dinyatakan, pihak Pejabat Tanah tidak dapat berbuat apa-apa memandangkan tiada syarat larangan khas dalam undang-undang tanah sedia ada.<sup>35</sup>

### ***Tanah Getah Dalam Simpanan Melayu***

Menariknya, di sebalik halangan-halangan yang diciptakan kerajaan, pada awal tahun 1930, Kepala Pekerjaan Tanah mencadangkan kepada kerajaan supaya orang Melayu diberi kemudahan untuk membuka tanah dalam kawasan yang diwartakan sebagai Simpanan Melayu. Tujuan cadangan ini dinyatakan dalam bahagian awal surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Kerajaan bertarikh 23 Februari 1930:

“Maalumkan pada yang berhormat Tuan Secretary Kerajaan, Negeri Kedah, Alor Star, Patek dengan hormat persembah chadangan ini bagi timbangan Karajaan patek harap jika dibenarkannya akan bertambah luas tanah didalam negeri ini dipugar oleh orang-orang Melayu dan mudah-mudahan terlepas raayat-raayat Melayu daripada kesusahan dan kemiskinan yang jadi tumpok mereka itu didalam kebanyakan mukim-mukim didalam negeri ini sekarang.”<sup>36</sup>

Kepala Pekerjaan Tanah berharap agar harga tanah untuk tanah berkeluasan kurang daripada 20 relong dipinda kerajaan. Harga tanah getah turut dinyatakan dalam permohonan ini di mana harga minimum sedia ada yang ditetapkan kerajaan untuk tanah berstatus tanah getah ialah \$10. Beliau mencadangkan penurunan harga tanah getah kepada \$5 serelong. Menurut Kepala Pekerjaan Tanah lagi:

“Maka perubahan yang dichadangkan ini memberi peluang kadar raayat-raayat Melayu boleh ambil tanah perbuat kebun dan kampung dengan harga mola yang murah kemudian lepas 6 tahun manakala ia apa boleh dapat perolehan daripada tanah itu pada ketika itu dikutib balik rial ini dengan jalan hasil tanah yang lebeh dan raayat-raayat pun tiada merasai keberatannya sebab pada waktu itu ia apa boleh dapat perolehan daripada tanah masing-masing.”<sup>37</sup>

Malangnya, dalam mesyuarat Majlis Negeri yang diadakan pada 15 Zulkaedah 1348 Hijrah (April 1930) ia tidak membincangkan mengenai harga tanah getah, sebaliknya Majlis Negeri memutuskan pula untuk meningkatkan kadar cukai tanah dalam Simpanan Melayu.<sup>38</sup> Oleh itu, orang Melayu tidak mendapat sebarang kelebihan untuk mengusahakan tanah getah, meskipun dalam kawasan Simpanan Melayu sendiri.

Berdasarkan perkembangan dasar Kerajaan Kedah melibatkan tanah getah yang dijalankan antara tahun 1915 hingga 1932, jelas bahawa wujud diskriminasi dan sekatan dalam pemberian tanah getah kepada orang Melayu. Walaupun kadangkala kerajaan seolah-oleh cuba memudahkan orang Melayu mendapat tanah yang mereka mahukan, namun secara implisitnya, pihak kolonial khasnya ketika itu tidak berniat untuk membiarkan orang Melayu bergiat secara aktif dalam penanaman getah.

### **Reaksi Masyarakat Melayu, 1915-1932**

Meskipun Kerajaan Kedah telah melaksanakan suatu dasar yang berat sebelah kepada orang Melayu dalam penanaman getah, orang Melayu di negeri tersebut telah mempamerkan rasa tidak puas hati mereka terhadap tindak tanduk Jabatan Tanah melalui petisyen-petisyen yang dikemukakan sepanjang tempoh 1915-1932. Keadaan ini adalah begitu ketara dalam soal dokumen pemilikan tanah getah dan status tanah yang diusahakan, kerana orang Melayu ketika itu sememangnya sedar akan peri pentingnya mengerjakan tanah yang dimiliki secara sah. Mereka juga cuba melindungi tanah yang telah ditanam dengan tanaman tersebut daripada ditukar taraf atau pokok getah yang sedia ada dimusnahkan.

### ***Permohonan Dokumen Pemilikan Tanah Getah***

Permohonan pengeluaran dokumen pemilikan tanah getah merupakan salah satu reaksi orang Melayu terhadap dasar tanah getah yang ketat. Hal ini kerana orang Melayu sememangnya menyedari akan kepentingan wujudnya sekuriti pemilikan tanah terhadap

tanah getah yang dimahukan. Misalnya pada 4 Januari 1926, Ahmad bin Teh daripada Mukim Jabi telah mengemukakan petisyen kepada Pemangku Raja, Tunku Ibrahim berhubung dengan tanah getah miliknya di Kering Menura, Mukim Tualang. Tanah getah seluas tujuh relong berkenaan diperoleh daripada Pejabat Tanah dengan harga \$193.75.

Bagaimanapun, masalah timbul ekoran kegagalan pihak Pejabat Tanah mengeluarkan Surat Akuan<sup>39</sup> pada masa yang dijanjikan. Apabila Ahmad bin Teh ke Pejabat Tanah, beliau diberitahu Surat Akuan miliknya hilang. Selanjutnya, Ahmad bin Teh mengemukakan bantahan kepada Pegawai Tanah, namun tidak mendapat jawapan yang memuaskan. Beliau juga bertindak membuat aduan kepada Kepala Pekerjaan Tanah, namun aduannya juga tidak mendapat perhatian.

Tidak lama kemudian, seorang Mata-mata Pejabat Tanah bernama Samah menemui Ahmad bin Teh dan meminta wang sebanyak \$30 bagi mengeluarkan Surat Akuan kepadanya. Dikatakan bahawa Samah bertindak menggugut Ahmad bin Teh bahawa Surat Akuan tersebut “akan terus hilang”, dan beliau tidak boleh menoreh getah di kebunnya lagi. Merasakan dirinya dianiaya, Ahmad bin Teh berharap agar Pemangku Raja dapat menyiasat aduannya. Di bahagian akhir petisyennya, Ahmad bin Teh menyebut:

“... jika tapak cherpu duli Y. M. tidak tolong kan di-atas patek hamba rayat ini pada tampak patek payah lah akan dapat surat akuwan itu dan bermachan2 (sic) lah pulak jadi pada hari yang kehadiran ini ampon tuanku harap lah patek pintak tapak cherpu duli Y. M. timbang kan seperti mana teryak patek ini hal ini lah patek maalum kan pohon menjujung (sic) apa2 titah di-persembah surat pada 19-6-44 ada nya tamat.”<sup>40</sup>

Menurut laporan Pegawai Tanah Daerah Kota Setar, beliau mengarahkan supaya Surat Akuan baharu dikeluarkan bagi menggantikan Surat Akuan yang hilang dalam simpanan Pejabat Tanah. Beliau juga telah mengarahkan supaya satu notis dikeluarkan untuk meminta Ahmad bin Teh datang ke Pejabat Tanah dan menandatangani Surat Akuan. Bagaimanapun, Pegawai Tanah sebenarnya kurang menyenangi tindakan Ahmad bin Teh memanjangkan masalahnya ke peringkat tertinggi kerajaan, kerana baginya, aduan Ahmad bin Teh berkenaan seolah-olah mementingkan diri sendiri, dan menyusahkan pihak Pejabat Tanah Daerah Kota Setar.<sup>41</sup>

Di penghujung isu ini, Setiausaha Rendah Kerajaan Kedah memaklumkan kepada Ahmad bin Teh pada 21 Rejab 1344 (4 Februari 1926) bahawa Ahmad bin Teh boleh datang ke Pejabat Tanah untuk mendapatkan Surat Akuannya.<sup>42</sup> Tindakan dan usaha Ahmad bin Teh menunjukkan orang Melayu sedar akan kepentingan pemilikan tanah getah melalui pemilikan dokumen tanah yang sah. Ia tidak sekadar melindungi pemilikan tanah, dokumen pemilikan tanah getah juga merupakan aset yang paling berharga

memadangkan harga tanah getah adalah yang termahal dalam semua kelas tanah di Kedah ketika itu.

### ***Mendapatkan Semula Tanah Getah***

Orang Melayu turut menunjukkan usaha bagi mendapatkan semula tanah getah yang pernah dimiliki melalui saluran yang sah. Sebagai contoh, Jaafar bin Haji Saad, bekas Penghulu dari Kampung Keranji, Mukim Telaga Mas telah menghantar surat rayuan kepada kerajaan, berhubung baki tanah getah seluas 10 relong yang telah dilucut milik oleh kerajaan. Dalam surat bertarikh 4 Muharram 1348 Hijrah (12 Jun 1929), beliau menyatakan tanah getah yang pernah dimilikinya seluas 15 relong telah dilelong kerajaan akibat kegagalan beliau membayar cukai tanah. Beliau kemudian cuba melakukan permohonan ke atas tanah getah berkenaan, namun sia-sia kerana Pejabat Tanah telah memutuskan untuk melelongnya.

Bagaimanapun, Jaafar bin Haji Saad tidak dapat menyertai lelongan yang dijalankan. Akibatnya, sebahagian tanah getahnya sebanyak lima relong telah dilelong kepada seorang bernama Ahmed Mutu dari Alor Setar dengan harga \$70. Memandangkan ada baki sebanyak 10 relong yang belum terjual, Jaafar bin Haji Saad berkali-kali berulang alik ke Pejabat Tanah untuk mendapatkan tanah tersebut. Malangnya, beliau mendapat tahu bahawa Pejabat Tanah telah menetapkan untuk menjual tanah getah berkenaan pada harga \$50 serelong. Dengan penuh pengharapan, Jaafar bin Haji Saad merayu kepada Setiausaha Kerajaan:

“Ampon tuanku beribu2 ampon sekarang ini pon sangat2 lah patek berkehendak dan sayang kepada tanah itu dengan sebab banyak sudah patek rugi dan penat patek useha tebas terbang sampai boleh jadi tinggi harga kepada tanah lain.”<sup>43</sup>

Dalam hal ini, beliau memohon kepada pihak kerajaan supaya mengenakan harga yang murah bagi tanah yang pernah dimilikinya dan diusahakannya itu.<sup>44</sup> Menurut pendapat awal Setiausaha Rendah Kerajaan, beliau mencadangkan supaya Jaafar bin Haji Saad melakukan permohonan tanah yang biasa di Pejabat Tanah.<sup>45</sup> Bagaimanapun, Kepala Pekerjaan Tanah bertindak menurut keputusan yang terkandung dalam fail SUK. K. 1243/43 yang tidak mahu melayan sebarang rayuan oleh Jaafar bin Haji Saad.<sup>46</sup> Keputusan akhir kepada rayuan ini adalah sebahagian tanah berkenaan akan dilelong kerajaan dan perayu boleh mendapatkan semula tanah berkenaan dalam lelongan yang akan diadakan.<sup>47</sup>

### ***Mendapatkan Hak Tanah Getah***

Kes Matt bin Karim daripada Mukim Bakai, Kulim menyaksikan beliau cuba mendapatkan tanah getah yang diusahakannya. Keadaan ini wujud akibat kebiasaan orang Melayu yang sering membuka tanah terlebih dahulu sebelum memohon pemilikan di Pejabat Tanah. Dalam sepucuk surat kepada Pemangku Raja, Matt bin Karim

mendakwa bahawa beliau telah mengusaha dan menduduki tanah kerajaan seluas lima relong di Mukim Bakai untuk tempoh 10 tahun. Di atas tanah yang dibersihkan itu, beliau telah menanam pokok getah dan membina rumah. Pada tahun 1344 Hijrah (1925-1926), beliau memutuskan untuk mengajukan permohonan tanah getah untuk tanah berkenaan di Pejabat Tanah Kulim. Namun, kemudiannya beliau mengetahui tanah yang diusahakannya telah diberikan kerajaan kepada Penghulu Rejab (Mukim Bakai). Matt bin Karim menyatakan rasa terkilannya dengan menyembahkan kepada Pemangku Raja:

“Ampon tuanku jika bagitu menjadi sanga2-lah terinanyai patek krana beberapa kerugian dan usaha penat lelah patek memugar dan tanam pokok2 getah didalam tanah itu, sahinga sampai pada masa sekarang ini umor pokok2 getah itupon ada lebeh korang 10 tahun dan juga patek yang dudok jaga dan chuchi tanah itu daripada semak2. Maka jika dibenarkan tanah itu kapada Penghulu Rejab menjadi terinanyai-lah patek ini.”<sup>48</sup>

Sehubungan itu, beliau memohon ihsan Pemangku Raja agar tanah yang diusahakan dengan hasil titik peluh beliau berkenaan diberi kepadanya untuk dijadikan kebun getah. Matt bin Karim menyatakan kesediaan untuk membayar sebarang harga tanah yang akan dikenakan memandangkan sudah banyak tenaga yang dicurahkan untuk tanah berkenaan. Tambahan pula, sebagai orang miskin, tanah berkenaan diharap dapat menjadi tempat tinggalnya untuk mencari rezeki.<sup>49</sup>

Menurut siasatan Kepala Pekerjaan Tanah, pada mulanya Matt Rejab telah melakukan permohonan ke atas tanah berkenaan pada tarikh 5 Jamadilakhir 1343 Hijrah (1 Januari 1925). Berdasarkan laporan Mata-mata Tanah, tanah berkenaan merupakan tanah kerajaan, tidak dipugar dan boleh dibuat kediaman. Oleh itu, permohonan Matt Rejab telah diluluskan. Namun, memandangkan Matt Rejab tidak membayar tuntutan Pejabat Tanah, maka pihak Pejabat Tanah telah membatalkan kelulusan yang diberikan. Mata-mata yang terlibat dalam pemeriksaan berkenaan kemudian dilaporkan meninggal dunia dan Matt bin Karim telah mengemukakan permohonan baharu pada 13 Rejab 1344 Hijrah (27 Januari 1926) untuk pertimbangan Pejabat Tanah.<sup>50</sup>

Matt bin Karim sekali lagi menghantar surat rayuan kepada Pemangku Raja pada 16 Rabiulakhir 1345 Hijrah (24 Oktober 1926). Beliau mendapat tahu bahawa Penghulu Rejab telah memohon tanah hutan di Mukim Bakai dan kerajaan telah meluluskan pengeluaran Surat Akuan kepada Penghulu Rejab. Namun, menurut Matt bin Karim, secara tiba-tiba permohonan Penghulu Rejab berpindah kepada tanah yang diduduki dan diusahakannya.

Oleh itu, Matt bin Karim merasa teraniaya memandangkan pokok getah yang ditanam sudah mengeluarkan hasil, manakala pokok-pokok pinang yang terdapat di atas tanah tersebut juga mendatangkan perolehan pendapatan. Bahkan beliau telah membina rumah di atas tanah tersebut. Matt bin Karim juga menyatakan beliau belum menerima

sebarang maklum balas berhubung permohonan beliau ke atas tanah tersebut. Sehubungan itu, Matt bin Karim menyatakan harapannya agar Kerajaan Kedah dapat memberikan tanah berkenaan kepadanya.<sup>51</sup> Menurut jawapan pihak kerajaan kepada Matt bin Karim, pihak Pejabat Tanah akan mempertimbangkan permohonan berkenaan.<sup>52</sup> Namun, keputusan akhir tidak dapat diperolehi daripada fail berkaitan. Usaha yang ditunjukkan oleh Matt bin Karim ini menggambarkan kesungguhan untuk mendapatkan hak ke atas tanah yang dianggap sebagai miliknya sendiri.

### ***Protes Terhadap Pemusnahan Pokok Getah***

Bantahan terhadap arahan Pejabat Tanah supaya mencabut pokok getah yang telah ditanam merupakan salah satu bentuk protes yang paling keras disuarakan orang Melayu. Keadaan ini dapat dilihat dalam kes Lebai Omar bin Haji Mohamed dari Kulim. Pada 9 November 1929, beliau bertindak menghantar petisyen membantah keputusan pihak Pejabat Tanah Kulim yang mengarahkannya agar mencabut pokok getah yang diusahakannya. Dalam bantahan yang dikemukakannya, Lebai Omar menyatakan bahawa beliau menerima surat daripada Pejabat Tanah Kulim bertarikh 24 Jamadilawal 1348 Hijrah (28 Oktober 1929) yang mengarahkan Lebai Omar mencabut pokok-pokok getah yang ditanam di atas tanah yang dimilikinya di bawah geran No. 29836. Justifikasi arahan berkenaan kerana tanah tersebut berstatus tanah kampung dan bendang.

Lebai Omar dalam petisyennya menjelaskan bahawa pokok getah berkenaan bukanlah ditanam oleh beliau sendiri, sebaliknya telah ditanam oleh pemilik sebelumnya bernama Hanafi bin Jusoh. Lebai Omar telah membeli tanah tersebut pada tahun 1342 Hijrah (1923-1924) dengan harga \$200, dan ketika itu terdapat pokok-pokok getah berusia enam tahun di atasnya. Ketika Pejabat Tanah Kulim mengarahkan pokok-pokok berkenaan dicabut, usia pokok-pokok berkenaan sudah mencecah 13 tahun. Arahan supaya mencabut pokok-pokok getah tersebut dalam masa sebulan daripada tarikh notis langsung tidak dapat diterima Lebai Omar. Hal ini disebabkan saiz pokok getah di tanahnya sudah besar dan sudah pasti akan menelan belanja yang besar untuk mencabutnya. Bantahan berkenaan isu ini sebenarnya sudah disampaikan melalui surat kepada Pegawai Daerah Kulim, yang kemudian meminta Lebai Omar mengajukan perkara berkenaan kepada Pemangku Raja. Selain itu, pihak Pejabat Tanah memberi amaran akan membatalkan pemilikan tanah berkenaan sekiranya arahan cabutan pokok getah tidak dipatuhi. Oleh itu, Lebai Omar memohon kepada Pemangku Raja agar membenarkan tanah berkenaan dijadikan tanah getah.<sup>53</sup>

Menurut laporan Kepala Pekerjaan Tanah, tanah berkenaan dimiliki dengan Surat Kechil No. 29836 dan berkeluasan 2 relong 288 jemba dan 0 kaki. Pada 13 Ramadan 1346 Hijrah (5 Mac 1928), Mata-mata Tanah yang bertanggungjawab kepada mukim berkenaan mendapati terdapat sebanyak 80 pokok getah berusia sekitar 10 tahun serta 200 pokok berusia tiga tahun. Penolong Pegawai Pertanian yang menemui Lebai Omar menyatakan bahawa Lebai Omar hanya bersedia menebang pokok getah yang kecil dan meninggalkan pokok-pokok bersaiz besar. Pada 4 Safar 1347 Hijrah (23 Julai 1928), Pegawai Tanah memberi notis kepada Lebai Omar mengarahkan beliau menebang

pokok-pokok getah berkenaan, namun ia dibantah Lebai Omar yang kemudiannya menghantar petisyen kepada Pemangku Raja.

Pihak kerajaan telah melakukan siasatan, dan seterusnya, berdasarkan laporan Kepala Pekerjaan Tanah mendapati tanah tersebut dikelilingi kebun getah kecuali bahagian selatan yang mempunyai sedikit paya. Tanah ini juga berkedudukan tinggi, dan tidak boleh dijadikan bendang. Oleh itu, pihak Jabatan Tanah tiada sebarang halangan untuk membenarkan perubahan syarat dalam Surat Keterangan daripada status tanah bendang dan kampung kepada kebun getah dengan penambahan sedikit harga tanah. Di akhir laporannya, Kepala Pekerjaan Tanah berpendapat Lebai Omar perlu berjumpa dengan Pegawai Tanah Kulim untuk merundingkan perubahan syarat dalam Surat Keterangan.<sup>54</sup> Keputusan muktamad pihak kerajaan ialah Lebai Omar perlu menemui Pegawai Tanah Kulim untuk berunding bagi mendapatkan Surat Keterangan kebun getah di atas tanah ini.<sup>55</sup>

### ***Penukaran Status Tanah***

Dalam tempoh 1915-1932, ia juga menyaksikan usaha orang Melayu untuk mengubah pemilikan tanah mereka kepada tanah getah. Antaranya ialah usaha seorang wanita Melayu, iaitu Som binti Ismail yang menghantar surat bertarikh 5 Mac 1932 (26 Syawal 1350 Hijrah) memohon supaya status tanah bendangnya di Mukim Limbong, Kota Setar ditukar kepada status tanah getah. Tanah berkenaan berkeluasan 13 relong 232 jemba di bawah Surat Putus No. 15813. Siasatan pihak Pejabat Tanah mendapati bahawa sebahagian daripada tanah milik Som binti Ismail telah ditanam dengan getah sebanyak 300 pokok berusia tahun dengan keluasan 3 relong 392 jemba. Manakala baki kawasan seluas 9 relong 324 jemba pula masih merupakan tanah bendang.

Kepala Pekerjaan Tanah melaporkan kepada Setiausaha Rendah Kerajaan bahawa pihak Pejabat Tanah sememangnya tidak membenarkan penanaman getah dan memberi tempoh selama enam bulan untuk mencabut ke semua pokok getah yang ada di atas tanah berkenaan. Namun, pemilik tanah tidak mengikut arahan yang telah dikeluarkan. Selanjutnya, Kepala Pekerjaan Tanah menyatakan Pejabat Tanah selalu membuat pertimbangan untuk menolong rakyat dalam perkara sebegini, tetapi di tempat berkenaan tidak seharusnya ditanam dengan getah.<sup>56</sup> Setiausaha Kerajaan berpandangan tiada sebab untuk mengubah keputusan Kepala Pekerjaan Tanah.<sup>57</sup> Oleh itu pada 18 Muharram 1351 (24 Mei 1932), Pemangku Setiausaha Rendah memaklumkan kepada Som binti Ismail bahawa kerajaan tidak mempunyai sebab untuk mencampuri keputusan yang telah dibuat oleh Kepala Pekerjaan Tanah.<sup>58</sup>

### **Elit Melayu**

Berbeza dengan nasib orang Melayu kebanyakan, golongan elit Melayu telah mendapat faedah daripada dasar tanah getah yang dilaksanakan kerajaan. Walaupun orang Melayu disekat daripada bergiat sepenuhnya dalam penanaman getah, dalam keadaan tertentu, Kerajaan Kedah memudahkan permohonan-permohonan daripada kerabat diraja untuk

mendapatkan tanah getah. Ini dapat diperhatikan apabila dua orang elit Melayu iaitu, Tunku Aziz dan Tunku Ahmad Tajuddin bin Tunku Ibrahim memohon tanah kerajaan sebanyak 84 relong di Mukim Naga, Daerah Kubang Pasu bagi tujuan penanaman getah. Bagaimanapun, atas alasan yang tidak diketahui, permohonan kedua-dua putera Tunku Ibrahim (Pemangku Raja) ini tidak melalui saluran Jalan Kerabat<sup>59</sup> kerana mereka mahu membayar harga tanah tersebut.

Berdasarkan pemeriksaan Kepala Pekerjaan Tanah, tanah yang diminta adalah berstatus Tanah Simpanan Melayu. Terdapat bahagian tanah berkenaan dahulunya menjadi tempat menyimpan gajah Almarhum Raja Muda Kedah. Manakala terdapat bahagian tanah yang telah diminta orang sebagai permintaan rincik (permohonan tanah berkeluasan kecil) yang belum diputuskan kerajaan. Memandangkan permohonan ini melibatkan tanah berkeluasan besar, ia perlu melalui *Land Alienation Board* yang kemudian meluluskan permohonan tanah tersebut seluas 84 relong dengan harga tanah serelong \$15.<sup>60</sup> Menurut Setiausaha Rendah Kerajaan, permohonan ini tidak perlu diajukan kepada Majlis Negeri, dan ia tertakluk kepada bidang kuasa Kepala Pekerjaan Tanah.<sup>61</sup> Penasihat British juga tidak mempunyai sebarang halangan berhubung pemberian tanah kepada kedua-dua orang kerabat diraja berkenaan.<sup>62</sup> Oleh itu, Setiausaha Kerajaan telah memberi kelulusannya.<sup>63</sup>

Bagaimanapun, terdapat juga permohonan-permohonan daripada golongan elit Melayu yang terpaksa ditolak kerajaan kerana ia bercanggah dengan dasar semasa kerajaan. Misalnya, Tunku Saadah binti Tunku Abdul Jalil telah menghantar surat bertarikh 20 April 1927 untuk menukar syarat tanah kampung seluas 137 relong yang dimiliki melalui Jalan Kerabat di Mukim Ayer Puteh kepada tanah getah. Tanah ini sebenarnya diberikan kerajaan untuk tujuan penanaman kelapa. Pada 20 Ramadan 1345 Hijrah (24 Mac 1927), Tunku Saadah mengajukan permohonan bertulis kepada Kepala Pekerjaan Tanah untuk menukar syarat tanah berkenaan kepada tanah getah. Tunku Saadah juga mendakwa permohonan asal beliau adalah untuk tujuan penanaman getah dan telah dibenarkan Majlis Negeri. Kawasan yang berhampiran dengan tanah yang dimiliki juga banyak ditanam dengan tanaman berkenaan.

Kepala Pekerjaan Tanah menyatakan kepada Tunku Saadah bahawa permohonan beliau tidak dapat diluluskan memandangkan daerah berkenaan tidak dibenarkan penanaman getah. Kepala Pekerjaan Tanah juga mencadangkan supaya Tunku Saadah sendiri membuat permohonan bertulis kepada kerajaan. Lanjutannya, Tunku Saadah memohon supaya kerajaan memberi kebenaran untuk mengubah syarat tanah berkenaan kepada tanah getah.<sup>64</sup> Menurut Kepala Pekerjaan Tanah, sekiranya permohonan berkenaan dikemukakan kepada *Land Alienation Board*, pihak berkenaan tiada kuasa untuk menimbang permohonan Tunku Saadah memandangkan dasar semasa kerajaan yang melarang pemberian tanah untuk penanaman getah di daerah berkenaan. Walaupun tanah Tunku Saadah berhampiran dengan Junun Estate, namun tanaman getah yang diusahakan estet berkenaan sudah dimulakan sebelum bermulanya dasar menyekat penanaman getah di daerah itu.<sup>65</sup>



Perkara berkenaan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Negeri pada 21 Julai 1927 (21 Muharram 1346 Hijrah) yang memutuskan untuk menolak permohonan Tunku Saadah.<sup>66</sup> Tidak berputus asa, Tunku Muhammad Jiwa, suami Tunku Saadah, memohon kepada kerajaan untuk mempertimbangkan semula keputusan kerajaan memandangkan tanah berkenaan sesuai ditanam dengan getah. Kenyataan beliau ini disokong oleh surat Pegawai Pertanian yang mengesahkan lokasi tanah ini yang tinggi dan tidak sesuai ditanam dengan kelapa.<sup>67</sup> Sebagai jawapan, Setiausaha Rendah memaklumkan kepada Tunku Muhammad Jiwa mengenai keputusan Majlis Negeri berkenaan dengan menjelaskan bahawa bukan maksud kerajaan itu untuk mempertimbangkan sama ada tanah itu layak bagi kebun getah, tetapi dasar Kerajaan Kedah adalah melarang sebarang penanaman getah di Kedah Utara.<sup>68</sup>

## **Kesimpulan**

Dasar diskriminasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kedah dalam penanaman getah di Kedah antara tahun 1915 hingga 1932 memperlihatkan kesan negatif kepada sebahagian besar masyarakat Melayu di negeri berkenaan. Orang Melayu telah ditekan dan dihalang secara bersungguh-sungguh oleh pihak kolonial daripada mengusahakan tanaman berkenaan. Pihak British jelas memiliki pengaruh yang kuat di negeri ini dalam memastikan orang Melayu dihalang daripada menanam tanaman komersial tersebut. Pelbagai jenis sekatan dengan sengaja dicipta, khasnya melalui pelaksanaan undang-undang untuk melarang orang Melayu daripada terlibat dalam aktiviti ekonomi yang menguntungkan ini. Namun, orang Melayu yang melihat manfaat pengusahaan tanah getah telah menunjukkan pelbagai reaksi penentangan terhadap dasar diskriminasi melalui saluran petisyen.

Beberapa bentuk bantahan yang keras telah dikemukakan merangkumi sekuriti pemilikan tanah, mendapatkan semula tanah yang dilucut hak, sehinggalah bantahan terhadap pemusnahan tanaman getah, jelas menunjukkan ketidakpuasan hati orang Melayu terhadap dasar yang dipaksakan Kerajaan Kedah. Walaupun terdapat dalam kalangan elit Melayu yang didapati memiliki kelebihan dalam pemilikan tanah getah, golongan berkenaan tidak mendapat kebebasan penuh dalam perkara ini. Berdasarkan perkembangan yang berlaku, secara keseluruhannya, orang Melayu berjaya disekat daripada bergiat secara aktif dalam sektor penanaman getah di Kedah dalam tempoh 1915-1932. Sehubungan itu, adalah jelas bahawa orang Melayu, khasnya masyarakat bawahan merupakan golongan yang menerima impak yang paling buruk, kesan daripada dasar tanah getah yang mengeneppikan mereka.

## **Penghargaan**

Kami ingin mengucapkan penghargaan kepada Fakulti Sastera dan Sains Sosial di atas sokongan terhadap penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada pihak Universiti Malaya

atas geran penyelidikan Universiti Malaya BKS003-2024 dalam menyempurnakan penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

---

### Biodata

\* Nurizwanfaizi bin Nordin ([nurizwanfaizi@gmail.com](mailto:nurizwanfaizi@gmail.com)) (corresponding author) merupakan calon Doktor Falsafah (PhD) di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

\*\* Dr. Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus ([akamal@um.edu.my](mailto:akamal@um.edu.my)) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Received: 13 May 2024

Reviewed: 15 September 2024

Accepted: 16 November 2024

### Nota

<sup>1</sup> Nurizwanfaizi Nordin dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, “Perkembangan Pentadbiran Tanah di Kedah, 1909-1917”, *Sejarah*, No. 22, Bil. 2., 2013, hlm. 107.

<sup>2</sup> Nurizwanfaizi Nordin dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, “Reaksi Orang Melayu Terhadap Pelaksanaan Dasar Tanah Padi Kolonial di Kedah, 1917-1932”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50 (1), 2023, hlm. 58.

<sup>3</sup> Mahani Musa, *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 74.

<sup>4</sup> Appendix No.2. Minutes of Meetings. Fourteenth Meeting. Minutes of the Thirteenth Meeting of the Visiting Delegation of the Rice Cultivation Committee held at Alor Star on 28<sup>th</sup> September, 1930, hlm. 115, dalam Federated Malay States. Report on the Progress of Schemes for the Improvement and Extension of Rice Cultivation. Kuala Lumpur, The Federated Malay States Government Press, 1935.

<sup>5</sup> Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah*, Petaling Jaya: Media Intelek Sdn Bhd, 1985, hlm. 54.

<sup>6</sup> “Relong”, “kaki”, dan “jemba” merupakan ukuran standard yang digunakan untuk mengukur keluasan tanah di Kedah di era kolonial. Satu relong bersamaan dengan 0.71 ekar, satu kaki bersamaan dengan 30.48 cm, manakala satu jemba pula bersamaan dengan 44 kaki.

<sup>7</sup> C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government (A. R. A. K. G.) 1327 A. H. (23<sup>rd</sup> January 1909-12<sup>nd</sup> January 1910), hlm. 26.

<sup>8</sup> Ibid., hlm. 27.

<sup>9</sup> C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. K. G. 1328 A. H. (13<sup>rd</sup> January 1910-1<sup>st</sup> January 1911), hlm. 12.

<sup>10</sup> C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. K. G. 1331 A. H. (11<sup>th</sup> December 1912-30<sup>th</sup> November 1913), hlm. 21.

<sup>11</sup> C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. K. G. 1329 A. H. (2<sup>nd</sup> January 1911-21<sup>st</sup> December, 1911), hlm. 7.

<sup>12</sup> C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government (A. R. A. K. G.) 1327 A. H. (23<sup>rd</sup> January 1909-12<sup>nd</sup> January 1910), hlm. 26.

<sup>13</sup> C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. K. G. 1331 A. H. (11<sup>th</sup> December 1912-30<sup>th</sup> November 1913), Appendix K.

<sup>14</sup> *The Straits Times*, 16 December 1915.

<sup>15</sup> The Rubber Lands Restriction Enactment, 1335.

<sup>16</sup> Minit Penasihat British kepada Penasihat Tanah, 13 Januari 1920, dalam SUK. K. 234/1338. Land Tax or Land Rent on “bendang” land planted up in rubber.

- 
- <sup>17</sup> Minit Penasihat British untuk Majlis Negeri, 17 Januari 1920, dalam SUK. K. 234/1338. Land Tax or Land Rent on “bendang” land planted up in rubber.
- <sup>18</sup> Minit Penasihat British kepada Penasihat Tanah, 28 Disember 1920, dalam SUK. K. 234/1338. Land Tax or Land Rent on “bendang” land planted up in rubber.
- <sup>19</sup> Minit Penasihat Tanah kepada Penasihat British, 3 Januari 1921, dalam SUK. K. 234/1338. Land Tax or Land Rent on “bendang” land planted up in rubber.
- <sup>20</sup> Seksyen 35. (c), dalam SUK. K. 1063/1341. Land Enactment 1332, Amendment of Land Rules 1334.
- <sup>21</sup> Kepala Pekerjaan Tanah ialah Pengarah Tanah atau *Director of Lands*.
- <sup>22</sup> Surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Kerajaan, 19 Zulkaedah 1342 Hijrah (22 Jun 1924), dalam SUK. K. 2618/1342. Premium On Titles For Certain Pieces of Land In Padang Trap.
- <sup>23</sup> 2618/42, Surat Setiausaha Kerajaan kepada Kepala Pekerjaan Tanah, 21 Zulhijjah 1342 Hijrah (24 Julai 1924), dalam SUK. K. 2618/1342. Premium On Titles For Certain Pieces of Land In Padang Trap.
- <sup>24</sup> D. L. O. K. 264/44. Pintak tanah kerajaan 3 relong hendak perbuat kebun getah Mukim Bakai daerah Ulu Bakai.
- <sup>25</sup> Surat Keterangan ialah dokumen pemilikan tanah.
- <sup>26</sup> Surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Kerajaan, 12 Jamadilawal 1344 Hijrah (28 November 1925), dalam SUK. K. 1304/1344. Prohibition of planting rubber in Kampong and Dusun Lands.
- <sup>27</sup> Minit Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 19 Disember 1925, dalam SUK. K. 1304/1344. Prohibition of planting rubber in Kampong and Dusun Lands.
- <sup>28</sup> Minit Setiausaha Kerajaan kepada Penasihat British, 6 Jamadilakhir 1344 Hijrah (22 Disember 1925), dalam SUK. K. 1304/1344. Prohibition of planting rubber in Kampong and Dusun Lands.
- <sup>29</sup> 1304/4, Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Kepala Pekerjaan Tanah, 26 Jamadilakhir 1344 Hijrah (11 Januari 1926), dalam SUK. K. 1304/1344. Prohibition of planting rubber in Kampong and Dusun Lands.
- <sup>30</sup> Surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 9 Rejab 1344 Hijrah (23 Januari 1926), dalam SUK. K. 1304/1344. Prohibition of planting rubber in Kampong and Dusun Lands.
- <sup>31</sup> Minit Penolong Penasihat British kepada Penasihat British, 24 Disember 1925, dalam SUK. K. 1304/1344. Prohibition of planting rubber in Kampong and Dusun Lands.
- <sup>32</sup> Minit Penasihat British kepada Setiausaha Kerajaan, 27 Disember 1925, dalam SUK. K. 1304/1344. Prohibition of planting rubber in Kampong and Dusun Lands.
- <sup>33</sup> Clerk of Council, 9 Syaaban 1344 Hijrah (22 Februari 1926), dalam SUK. K. 1304/1344. Prohibition of planting rubber in Kampong and Dusun Lands.
- <sup>34</sup> 1304/44, Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Kepala Pekerjaan Tanah, 12 Syawal 1344 Hijrah (25 April 1926), dalam SUK. K. 1304/1344. Prohibition of planting rubber in Kampong and Dusun Lands.
- <sup>35</sup> Surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 26 Syawal 1344 Hijrah (9 Mei 1926), dalam SUK. K. 1304/1344. Prohibition of planting rubber in Kampong and Dusun Lands.
- <sup>36</sup> Surat Kepala Pekerjaan Tanah, 24 Ramadan 1348 Hijrah (23 Februari 1930), dalam SUK. K. 2868/1348. Cheap rate of premium and rent on land in the Malay Reservations.
- <sup>37</sup> Surat Kepala Pekerjaan Tanah, 24 Ramadan 1348 Hijrah (23 Februari 1930), dalam SUK. K. 2868/1348. Cheap rate of premium and rent on land in the Malay Reservations.
- <sup>38</sup> Minit Clerk of Council, 15 Zulkaedah 1348 Hijrah (14 April 1930), dalam SUK. K. 2868/1348. Cheap rate of premium and rent on land in the Malay Reservations.
- <sup>39</sup> Dokumen pemilikan tanah sementara yang dikeluarkan Pejabat Tanah untuk mengesahkan pendudukan ke atas tanah.
- <sup>40</sup> Surat Ahmad bin Teh kepada Pemangku Raja, 19 Jamadilakhir 1344 Hijrah (4 Januari 1926), dalam SUK. K. 1594/1344. Complains of difficulty in getting a title for his rubber land at Tualang.
- <sup>41</sup> (3) S. C. 1594/44. Laporan Pegawai Tanah Kota Setar, 6 Rejab 1344 Hijrah (20 Januari 1926), dalam SUK. K. 1594/1344. Complains of difficulty in getting a title for his rubber land at Tualang.
- <sup>42</sup> Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Ahmad bin Teh, 21 Rejab 1344 Hijrah (4 Februari 1926), dalam SUK. K. 1594/1344. Complains of difficulty in getting a title for his rubber land at Tualang.
- <sup>43</sup> Surat Jaafar bin Haji Saad kepada Setiausaha Kerajaan, dalam SUK. K. 1594/1344. Complains of difficulty in getting a title for his rubber land at Tualang.

- 
- <sup>44</sup> Surat Jaafar bin Haji Saad kepada Setiausaha Kerajaan, 4 Muharram 1348 Hijrah (12 Jun 1929), dalam SUK. K. 1594/1344. Complains of difficulty in getting a title for his rubber land at Tualang.
- <sup>45</sup> Minit Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Kepala Pekerjaan Tanah, 14 Muharram 1348 Hijrah (22 Jun 1929), dalam SUK. K. 1594/1344. Complains of difficulty in getting a title for his rubber land at Tualang.
- <sup>46</sup> No. 163/48 Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 11 Rabiulakhir 1348 Hijrah (September 1929) dalam SUK. K. 1594/1344. Complains of difficulty in getting a title for his rubber land at Tualang. 1243/43, Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Jaafar bin Haji Saad, 21 Syaaban 1343 Hijrah [17 Mac 1925] dalam SUK. K. 1243/1343. Asks for return of his rubber land at Telaga Mas which was reverted to Government for failure to pay rents.
- <sup>47</sup> Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Jaafar bin Haji Saad, 4 Jamadilawal 1348 Hijrah (8 Oktober 1929), dalam SUK. K. 1594/1344. Complains of difficulty in getting a title for his rubber land at Tualang.
- <sup>48</sup> Surat Matt bin Karim kepada Pemangku Raja, 20 Julai 1926, dalam SUK. K. 136/1345. Re his application for land in Mukim Bakai for rubber cultivation.
- <sup>49</sup> Ibid.
- <sup>50</sup> Minit Kepala Pekerjaan Tanah, 22 Rabiulawal 1345 Hijrah (30 September 1926), dalam SUK. K. 136/1345. Re his application for land in Mukim Bakai for rubber cultivation.
- <sup>51</sup> Surat Matt bin Karim kepada Pemangku Raja, 16 Rabiulakhir 1345 Hijrah (24 Oktober 1926) dalam SUK. K. 136/1345. Re his application for land in Mukim Bakai for rubber cultivation.
- <sup>52</sup> Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Matt bin Karim, 25 Rejab 1345 Hijrah (29 Januari 1927), dalam SUK. K. 136/1345. Re his application for land in Mukim Bakai for rubber cultivation.
- <sup>53</sup> Surat Lebai Omar bin Haji Mohamed kepada Pemangku Raja, 6 Jamadilakhir 1348 Hijrah (9 November 1929), dalam SUK. K. 1772/1348. Petitions against the order of the Land Officer, Kulim to uproot rubber trees on his land in Mukim Karangan, Kulim.
- <sup>54</sup> Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 18 Ramadan 1348 Hijrah (17 Februari 1930), dalam SUK. K. 1772/1348. Petitions against the order of the Land Officer, Kulim to uproot rubber trees on his land in Mukim Karangan, Kulim. No. 1357/48. Teriak Lebai Omar bin Haji Mohamad Pekara tanah di-Mukim Karangan daerah Jangkang yang di-pintak ubah daripada bendang kampong pada kebon getah.
- <sup>55</sup> Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Lebai Omar bin Haji Mohamed, 14 Syawal 1348 Hijrah (15 Mac 1930), dalam SUK. K. 1772/1348. Petitions against the order of the Land Officer, Kulim to uproot rubber trees on his land in Mukim Karangan, Kulim.
- <sup>56</sup> Minit Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 5 Zulhijjah 1350 Hijrah (12 April 1932), dalam SUK. K. 1772/1348. Petitions against the order of the Land Officer, Kulim to uproot rubber trees on his land in Mukim Karangan, Kulim.
- <sup>57</sup> Minit Setiausaha Kerajaan kepada Penasihat British, 15 Muharram 1351 Hijrah (21 Mei 1932), dalam SUK. K. 1772/1348. Petitions against the order of the Land Officer, Kulim to uproot rubber trees on his land in Mukim Karangan, Kulim.
- <sup>58</sup> 2/3763/50, Surat Pemangku Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Som binti Ismail, 18 Muharram 1351 Hijrah (24 Mei 1932), dalam SUK. K. 1772/1348. Petitions against the order of the Land Officer, Kulim to uproot rubber trees on his land in Mukim Karangan, Kulim.
- <sup>59</sup> Jalan Kerabat ialah keistimewaan elit Melayu Kedah iaitu Kerabat Diraja untuk memohon tanah semaksimum 500 relong tanpa perlu membayar harga dan cukai tanah, sekiranya diluluskan Kerajaan Kedah.
- <sup>60</sup> No. 2446/48. Surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Kerajaan, 10 Safar 1349 Hijrah (7 Julai 1930), dalam SUK. K. 460/1349. H. H. Tunku Ozair and H. H. Tunku Ahmad Tajudin, sons of H. H. Tunku Ibrahim, apply for State land in Mukim Naga, Kubang Pasu, for rubber cultivation.
- <sup>61</sup> Minit Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Penolong Penasihat British, 8 Rabiulawal 1349 Hijrah (3 Ogos 1930), dalam SUK. K. 460/1349. H. H. Tunku Ozair and H. H. Tunku Ahmad Tajudin, sons of H. H. Tunku Ibrahim, apply for State land in Mukim Naga, Kubang Pasu, for rubber cultivation.
- <sup>62</sup> Minit Penasihat British kepada Setiausaha Kerajaan, 24 Rabiulawal 1349 Hijrah (19 Ogos 1930), dalam SUK. K. 460/1349. H. H. Tunku Ozair and H. H. Tunku Ahmad Tajudin, sons of H. H. Tunku Ibrahim, apply for State land in Mukim Naga, Kubang Pasu, for rubber cultivation.

<sup>63</sup> Minit Setiausaha Kerajaan, 28 Rabiulawal 1349 Hijrah (23 Ogos 1930), dalam SUK. K. 460/1349. H. H. Tunku Ozair and H. H. Tunku Ahmad Tajudin, sons of H. H. Tunku Ibrahim, apply for State land in Mukim Naga, Kubang Pasu, for rubber cultivation.

<sup>64</sup> Surat Tunku Saadah binti Tunku Abdul Jalil, 20 April 1927, dalam SUK. K. 2710/1345. Conversion of her kampong land held under Surat Kechik No. 294 in Mukim Ayer Puteh into rubber land.

<sup>65</sup> Minit Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 7 Zulkaedah 1345 Hijrah (9 Mei 1927), dalam SUK. K. 2710/1345. Conversion of her kampong land held under Surat Kechik No. 294 in Mukim Ayer Puteh into rubber land.

<sup>66</sup> Minit Clerk of Council, 21 Julai 1927, dalam SUK. K. 2710/1345. Conversion of her kampong land held under Surat Kechik No. 294 in Mukim Ayer Puteh into rubber land.

<sup>67</sup> Surat Tunku Muhammad Jiwa kepada Setiausaha Kerajaan, 20 Rabiulakhir 1346 Hijrah (17 Oktober 1927), dalam SUK. K. 2710/1345. Conversion of her kampong land held under Surat Kechik No. 294 in Mukim Ayer Puteh into rubber land.

<sup>68</sup> Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Tunku Muhammad Jiwa, 13 Jamadilawal 1346 Hijrah (8 November 1927), dalam SUK. K. 2710/1345. Conversion of her kampong land held under Surat Kechik No. 294 in Mukim Ayer Puteh into rubber land.

## Rujukan

Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah*, Petaling Jaya: Media Intelek Sdn Bhd, 1985.

C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government (A. R. A. K. G.) 1327 A. H. (23<sup>rd</sup> January 1909-12<sup>nd</sup> January 1910).

C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. K. G. 1328 A. H. (13<sup>rd</sup> January 1910-1<sup>st</sup> January 1911).

C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. K. G. 1329 A. H. (2<sup>nd</sup> January 1911-21<sup>st</sup> December, 1911).

C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. K. G. 1331 A. H. (11<sup>th</sup> December 1912-30<sup>th</sup> November 1913).

D. L. O. K. 264/44. Pintak tanah kerajaan 3 relong hendak perbuat kebun getah Mukim Bakai daerah Ulu Bakai.

Federated Malay States. Report on the Progress of Schemes for the Improvement and Extension of Rice Cultivation. Kuala Lumpur, The Federated Malay States Government Press, 1935.

Mahani Musa, *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

Nurizwanfaizi Nordin dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, "Perkembangan Pentadbiran Tanah di Kedah, 1909-1917", *Sejarah*, No. 22, Bil. 2., 2013.

Nurizwanfaizi Nordin dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, “Reaksi Orang Melayu Terhadap Pelaksanaan Dasar Tanah Padi Kolonial di Kedah, 1917-1932”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(1), 2023.

SUK. K. 234/1338. Land Tax or Land Rent on “bendang” land planted up in rubber.

SUK. K. 1063/1341. Land Enactment 1332, Amendment of Land Rules 1334.

SUK. K. 2618/1342. Premium On Titles For Certain Pieces of Land In Padang Trap.

SUK. K. 1304/1344. Prohibition of planting rubber in Kampong and Dusun Lands.

SUK. K. 1594/1344. Complains of difficulty in getting a title for his rubber land at Tualang.

SUK. K. 136/1345. Re his application for land in Mukim Bakai for rubber cultivation.

SUK. K. 2710/1345. Conversion of her kampong land held under Surat Kechik No. 294 in Mukim Ayer Puteh into rubber land.

SUK. K. 1772/1348. Petitions against the order of the Land Officer, Kulim to uproot rubber trees on his land in Mukim Karangan, Kulim.

SUK. K. 2868/1348. Cheap rate of premium and rent on land in the Malay Reservations.

SUK. K. 460/1349. H. H. Tunku Ozair and H. H. Tunku Ahmad Tajudin, sons of H. H. Tunku Ibrahim, apply for State land in Mukim Naga, Kubang Pasu, for rubber cultivation.

The Rubber Lands Restriction Enactment, 1335.

*The Straits Times*, 16 December 1915.

Wu Xiao An, *Chinese Business In The Making of Malay States, 1882-1941 Kedah and Penang*, London: Routledge Curzon, 2003.